

NO. SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 21 MEI 2015

RUJUKAN : 7880

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nombor laporan polis berkenaan pembunuhan Kang Seak Siong oleh seorang anggota polis di sebuah pub di AUTOCITY, Pulau Pinang pada 14/10/2013 pada jam 2 pagi yang disiasat oleh Balai Polis IPD Bandar Perda dan perkembangan siasatan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan kes pembunuhan penama Kang Seak Siong yang berlaku pada 14 Oktober 2013 pada jam lebih kurang 8.20 malam di Pub Fuel, Jalan Perusahaan Auto City Seberang Perai Tengah, P.Pinang. Siasatan di jalankan berkait Bukit Tengah Rpt:11899/13 dan disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Dalam kejadian ini suspek merupakan seorang anggota polis telah berselisih faham dengan mangsa dan berlaku tolak menolak di ruang minum pub tersebut. Mangsa kemudian bersama berapa orang kawan telah menyerang suspek dan seterusnya suspek telah melepaskan tembakan. Mangsa telah dibawa ke Hospital Seberang Jaya dan disahkan meninggal dunia pada 14 Oktober 2013 pada jam lebih kurang 3.55 pagi. Bedah siasat telah dijalankan dan didapati sebab kematian adalah *Aortic Injuries Due To Gun Shot To The Abdomen* .

Dalam kes ini suspek bersama beberapa rakan mangsa telah ditangkap untuk siasatan. Kesemua tangkapan telah dibebaskan dengan jaminan polis atas arahan Pejabat Peguam Negara. Kes ini masih dalam siasatan dan kertas siasatan akan dirujuk semula kepada Pejabat Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.